

10 JUL 2002

P/raja-Kumaresan (Bergambar)

BEKAS PELUMBA BASIKAL NEGARA BANTU KEMPEN P/RAYA ANAK BUKIT

ALOR SETAR, 10 Julai (Bernama) -- Kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit bukan sahaja menghimpunkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) dari seluruh negara malah menarik minat bekas jaguh lumba basikal negara, M. Kumaresan, untuk bersama-sama membantu jentera pilihan raya BN.

Kumaresan, yang dilantik sebagai Ketua Biro Sukan Pemuda MIC kira-kira enam bulan lepas, berkata penglibatannya itu adalah bagi membalas jasa kerajaan BN dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang banyak membangunkan bidang sukan di negara ini.

Beliau berkata selama 17 tahun berkecimpung dalam sukan lumba basikal, banyak bantuan termasuk kemudahan peralatan sukan dan latihan disalurkan kepadanya sehingga beliau berjaya mengukir nama sebagai jaguh lumba basikal negara dan di rantau ini.

"Kerajaan BN yang selalu bantu kita untuk mendapatkan latihan yang sesuai dan meningkatkan prestasi atlit, dan kita harus berterima kasih kepadanya," katanya kepada Bernama di Bilik Gerakan MIC Anak Bukit, di sini.

Beliau menganggap Dr Mahathir sebagai "Bapa Lumba Basikal" kerana mencetuskan idea untuk kejohanan Le Tour de Langkawi yang kini mengharumkan nama negara dalam bidang perlumbaan basikal.

Kumaresan, 35, berkata beliau menganggotai MIC sejak berumur 18 tahun dan baru sekarang aktif dalam bidang politik.

"Saya menyertai kempen jentera pilihan raya MIC di Anak Bukit untuk memastikan kemenangan calon BN di sini," katanya.

Sebelum ini, beliau menyertai jentera pilihan raya BN berkempen pada pilihan raya kecil DUN Ketari di Pahang.

-- BERNAMA

ZU NAK